



Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (926/89(wp))

Ruj Kami:KGPA/PPB/102/01

Tarikh : 2 Oktober 2024

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Semua Ahli
Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia Kali Ke-29 akan diadakan seperti butir-butir berikut:

Tarikh : **27** Oktober 2024
Masa : **10.00 pagi (Ahad)**
Tempat : Dewan Seroja
Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia
Bukit Kiara Off Jalan Damansara
60000 KUALA LUMPUR


2. Semua ahli KGPA dengan hormatnya dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ini. Agenda Mesyuarat dan Laporan Tahunan 2023 yang mengandungi Penyata Akaun yang telah diaudit dan Kunci Kira-Kira berakhir 31 Disember 2023 dimuatnaik di dalam laman sesawang/*website* KGPA di www.kgpagolf.com.

3. Ahli-ahli KGPA turut dijemput untuk mengemukakan sebarang **usul pindaan undang-undang**, sekiranya ada. Usul hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Kehormat dalam tempoh **14 hari** sebelum tarikh mesyuarat. **Hal-hal lain** yang ingin dikemukakan jika ada, perlu juga disampaikan kepada Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari** sebelum tarikh mesyuarat.

4. **Usul atau hal-hal lain** hendaklah dikemukakan melalui surat kepada Setiausaha Kehormat Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia, Bukit Kiara Off Jalan Damansara, 60000 Kuala Lumpur atau emel kepada alamat suk@kgpagolf.com.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan amanah,


(ADILA SABRI BIN MUHAMMAD)
Setiausaha Kehormat
Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia